

PM jamin Malaysia kekal mesra pelaburan

BH 19 MAR 2002

Daripada Mahfar Ali

MUNICH, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan Malaysia akan terus mengekalkan suasana mesra pelaburan dan perniagaan yang selama ini menjadi formula kejayaannya menarik pelaburan langsung asing (FDI).

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan terus komited bagi memudahkan dan mengekalkan iklim perniagaan yang dapat membantu pertumbuhan serta menguntungkan pelabur.

Dr Mahathir memberi jaminan itu dalam ucapannya bertajuk Merealisasikan Wawasan: Pendekatan Malaysia di Forum Perniagaan Malaysia-Jerman, di sini petang ini.

Lebih 300 wakil yang menerajui syarikat dalam pelbagai sektor dari kedua-dua negara menghadiri forum itu, anjuran Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli) serta beberapa agensi berkaitan termasuk Mida dan Matrade.

Sesi ucapannya Perdana Menteri itu turut disertai dialog, dipengerusikan oleh Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) Erdmann Vogt yang juga Pengarah Urusan Deutsche Bank Malaysia.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir juga mengambil kesempatan mengetengahkan kelebihan dan keistimewaan Malaysia hingga pelabur asing tertarik membuat pelaburan.

Di Malaysia, kata Dr Mahathir, masih terdapat peluang pelaburan yang sangat besar dan rekod pembangunannya sejak merdeka pula cukup memberangsangkan.

"Kami tidak memaksa pegangan asing dimilikan, sebaliknya kami mempelawa lebih banyak penyertaan asing dalam ekonomi Malaysia," katanya yang tiba di sini pagi ini bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Jerman.

Dr Mahathir yang sebelum itu singgah di Stuttgart dan Dusseldorf untuk lawatan peribadi, berkata suasana politik di Malaysia juga stabil dan konsisten, selain berjaya mengekalkan keharmonian penduduk berbilang kaum dan agama serta memiliki infrastruktur bertaraf antarabangsa meliputi pelaburan, lapangan terbang dan zon industri.

Perdana Menteri turut mengimbau krisis kewangan Asia yang hampir memusnahkan ekonomi Malaysia akibat serangan penyangak mata wang, tetapi Malaysia kini kembali pulih.

Malah Dr Mahathir berkata, pencapaiannya lebih baik berbanding kebanyakan negara lain.

Hari ini, katanya, Malaysia memasuki fasa baru pertumbuhan dan pembangunan dengan memberi penekanan terhadap bidang teknologi tinggi seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta elektronik yang juga menjadi penggerak baru

bagi merealisasikan Wawasan 2020.

Dalam konteks ini, beliau yakin Jerman yang mempunyai kekuatan dalam bidang ICT dan kejuruteraan, boleh membantu membentuk perubahan ekonomi Malaysia ke era yang lebih mencabar.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengalu-alukan pelaburan Jerman di Malaysia menerusi konsep perkongsian pintar, terutama dalam bidang ICT dan kejuruteraan, untuk kebaikan dan kemakmuran kedua-dua negara.

Sejak dua tahun lalu, Jerman sudah menjadi rakan dagang terbesar Malaysia di kalangan negara Kesatuan Eropah (EU).

Jumlah dagangan kedua-dua negara tahun lalu bernilai AS\$4.8 bilion.

Selain Munich, ibu negeri Bavaria di selatan Jerman, Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, juga akan melakukan lawatan ke Berlin, ibu negara Jerman, bermula esok.

Perdana Menteri akan bertemu Canselor Jerman Gerhard Schroder dan kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan isu kepentingan bersama termasuk hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa.

Ini lawatan rasmi pertama Dr Mahathir ke Jerman. Perdana Menteri pernah membuat beberapa lawatan ke Jerman sebelum ini, lawatan tidak rasmi pada 1977 dan lawatan kerja pada 1988 dan 1998.